

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN GABUNGAN 3 & 6 BULAN PROMOSI DEPOSIT TETAP / KOMODITI
MURABAHAH DEPOSIT-i dan AKAUN/-I SEMASA & SIMPANAN RHB
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")**

Pelanggan- pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klaus Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen Gabungan 3 & 6 Bulan Promosi Deposit Tetap ("DT") / Komoditi Murabahah Deposit-i ("CMD-i") dan Akaun/-i Semasa & Simpanan RHB 2024 ("Kempen")** dianjurkan oleh RHB Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)] dan RHB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)] (secara kolektif, "RHB").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **1 September 2024** hingga **31 Oktober 2024** ("Tempoh Kempen"), termasuk kedua-dua tarikh atau sehingga mencapai sasaran kempen, yang mana terdahulu ("Tempoh Kempen").

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada:
 - a) Pelanggan sedia ada kepada Bank yang bukan RHB Premier sebelum menyertai Kempen yang telah dinaik taraf kepada Pelanggan RHB Premier, Pelanggan sedia ada kepada RHB Premier atau Baru kepada Bank Pelanggan yang menyertai RHB Premier semasa Tempoh Kempen (kedua-dua pemastautin dan bukan pemastautin) segmen Perbankan Pengguna secara kolektif, ("Peserta Layak"); dan
 - b) Melakukan perletakan amaun yang ditetapkan dalam klaus Mekanik Kempen dengan Bank semasa Tempoh Kempen.
4. Kempen ini terpakai untuk produk berikut:

| Deposit Tetap / Komoditi Murabahah Deposit-i | Akaun/-i Semasa & Simpanan |
|---|--|
| <i>Ordinary Fixed Deposit</i> | <i>Premier Current Account-i</i> dan semua akaun dibawah Akaun/-i Semasa & Simpanan (kecuali untuk Akaun/-i Junior/Children) |
| <i>Commodity Murabahah Deposit-i</i> | |

5. "**Kumpulan Perbankan RHB**" bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad dan sekutu masing-masing, syarikat-syarikat pemegangan, syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan berkaitan, penganti-pengganti dan penerima serah hak.

MEKANISME KEMPEN

6. Peserta yang Layak hendaklah membuat perletakkan ke dalam DT/CMD-i dan ASAS/-i seperti Jadual 1 dan Jadual 2 berikut dan hendaklah dibuat serentak pada hari yang sama semasa Tempoh Kempen.
7. Peserta yang Layak dikehendaki meletakkan amaun seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah ke dalam DT/CMD-i pada amaun peletakan 60% dan baki amaun peletakan 40% ke dalam ASAS/-i dan akan pegang untuk tempoh tiga (3) bulan atau enam (6) bulan bersamaan dengan tempoh DT.

Jadual 1

| Akaun/-i Semasa & Simpanan / Deposit Tetap / Komoditi Murabahah Deposit-i | Minimum Gabungan Amaun Perletakan (100%) | Amaun Perletakan dalam DT/CMD-i (60%) | Amaun Perletakan dalam <i>Premier Current Account-i / ASAS/-i lain</i> (40%) | Tempoh Pegangan |
|---|--|---------------------------------------|--|----------------------|
| Premier Current Account-i | RM100,000 | RM60,000 | RM40,000 | |
| Akaun/-i Semasa & Simpanan | RM10,000 | RM6,000 | RM4,000 | 3 Bulan atau 6 Bulan |

8. Peletakan DT/CMD-i yang Layak berhak mendapat Kadar Promosi berikut seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

| Saluran | Tempoh DT/CMD-i | Kadar Promosi untuk DT/CMD-i | Kadar Efektif Kempen |
|------------|-----------------|------------------------------|-----------------------------|
| Di Kaunter | 3 Bulan | 5.00% setahun | Sehingga pada 4.00% setahun |
| | 6 Bulan | 5.20% setahun | Sehingga pada 4.12% setahun |

*Sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalam (OPR), Kadar Promosi boleh disemak semula.

9. Tempoh Pegangan bermaksud amaun baki penyertaan ASAS/-i seperti contoh baki *Premier Current Account-i* yang dikunci dalam akaun untuk tempoh 90 hari [tiga (3) bulan] atau 182 hari [enam (6) bukan] dari tarikh penempatan mengikut mekanisme kempen ("Tempoh Pegangan").
10. Perletakan DT mesti dibuat dengan dana baru sahaja, iaitu dana yang bukan dipindahkan dari ASAS/-i RHB yang sedia ada. Jika tidak, RHB berhak mengikut budi bicaranya untuk memberi kepada Peserta yang Layak Kadar Promosi DT mengikut kadar semasa DT bagi tempoh tiga (3) bulan atau enam (6) bulan.
11. Perletakan CMD-i mesti dibuat dengan dana baru sahaja, iaitu dana yang bukan dipindahkan dari ASAS/-i RHB yang sedia ada. Jika tidak, Peserta Yang Layak mengaku dan bersetuju melepaskan haknya untuk menuntut harga jualan penuh dan dengan itu, RHB akan membayar kepada Peserta Yang Layak berdasarkan kadar semasa CMD-i bagi tempoh tiga (3) bulan atau enam (6) bulan.
12. Sekiranya Pelanggan yang Layak ingin mengeluarkan mana-mana bahagian jumlah gabungan dari DT/CMD-i atau *Premier Current Account-i/ASAS/-i* sebelum tamat tempoh, pengeluaran sepenuhnya atas baki dalam DT/CMD-i atau *Premier Current Account-i/ASAS/-i* mesti dilakukan. Pengeluaran sebahagian DT/CMD-i atau *Premier Current Account-i/ASAS/-i* sebelum tamat tempoh adalah tidak dibenarkan.
13. Kadar promosi DT tidak akan layak sekiranya jumlah pegangan *Premier Current Account-i/ASAS/-i* atas sebarang sebab dibatalkan, ditarik balik atau dikeluarkan dalam tempoh kurang daripada tempoh pegangan yang telah ditetapkan. Jika tidak, RHB berhak mengikut budi bicaranya untuk memberi kepada Peserta yang Layak Kadar Promosi DT mengikut kadar semasa DT bagi tempoh tiga (3) bulan atau enam (6) bulan.
14. Kadar promosi CMD-i tidak akan layak sekiranya jumlah pegangan *Premier Current Account-i/ASAS/-i* atas sebarang sebab dibatalkan, ditarik balik atau dikeluarkan dalam tempoh kurang

dari pada tempoh pegangan yang telah ditetapkan. Jika tidak, Peserta yang Layak mengaku dan bersetuju melepaskan haknya untuk menuntut harga jualan penuh dan dengan itu, RHB akan membayar kepada Peserta Yang Layak berdasarkan kadar semasa CMD-i bagi tempoh tiga (3) bulan atau enam (6) bulan.

15. Bagi pelanggan baru CMD-i, adalah wajib untuk memiliki ASAS-i RHB Islamic sebagai akaun sekutu untuk peletakan CMD-i; manakala bagi pelanggan sedia ada, mereka boleh memilih untuk menggunakan ASAS/-i mereka untuk tujuan pembayaran keuntungan.
16. Pada tarikh matang, amaun peletakan DT/CMD-i tersebut akan diperbaharui secara automatik kepada DT/CMD-i biasa untuk tempoh yang sama pada kadar semasa seperti yang diterbitkan di laman web Kumpulan Perbankan RHB.
17. Faedah/keuntungan akan dibayar ke dalam ASAS/-i apabila matang dan Peserta Yang Layak mesti mengekalkan ASAS/-i yang aktif untuk tujuan pembayaran faedah/keuntungan.
18. Peletakan DT tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Peserta Yang Layak sebelum tamat tempoh DT untuk Kempen ini. Jika tidak, RHB berhak mengikut budi bicaranya untuk memberi kepada Peserta Yang Layak Kadar Promosi DT mengikut kadar semasa DT bagi tempoh tiga (3) bulan atau enam (6) bulan.
19. Peletakan CMD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Peserta Yang Layak sebelum tamat tempoh CMD-i untuk Kempen ini. Jika tidak, Peserta Yang Layak mengaku dan bersetuju melepaskan haknya untuk menuntut harga jualan penuh dan dengan itu, RHB akan membayar kepada Peserta Yang Layak berdasarkan kadar semasa CMD-i bagi tempoh tiga (3) bulan atau enam (6) bulan.
20. Peserta yang Layak dikehendaki menandatangani borang Pengisyiharan dan Kebenaran untuk melayakkan diri untuk Kadar Promosi.
21. Kempen ini tersedia untuk peletakan yang dibuat di kaunter di mana-mana Cawangan RHB di Malaysia.
22. Ilustrasi berikut berfungsi sebagai contoh untuk memahami pengiraan faedah/keuntungan dan terbitan kadar efektif kampen.

Ilustrasi 1

Pengiraan Smart Account/-i:

- a) Peserta yang Layak meletakkan Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu (RM60,000) dalam DT/CMD-i dan Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000) akan diperuntukkan ke dalam *Smart Account/-i* selama tiga (3) bulan atau enam (6) bulan . Oleh itu, pengiraan kadar efektif keseluruhan ialah:

i. Tempoh Pegangan Tiga (3) Bulan

Smart Account/-i:

| Perletakan <i>Smart Account/-i</i> | Kadar** | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|------------------------------------|---------|---------|-------------------------|
| RM40,000 | 1.85% | 3 Bulan | RM182 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM40,000*1.85% setahun/366 hari* 90 hari
***Dengan mengandaikan Peserta yang Layak telah memenuhi kategori kadar Bonus Save

DT/CMD-i:

| Perletakan DT/CMD-i | Kadar | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|---------------------|-------|---------|-------------------------|
| RM60,000 | 5.00% | 3 Bulan | RM738 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM60,000*5.00% setahun/366 hari* 90 hari

Jumlah Faedah/Keuntungan DT/CMD-i dan Smart Account/-i

| Jumlah Perletakan | Kadar Efektif Kempen** | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|-------------------|------------------------|---------|-------------------------|
| RM100,000 | 3.74% | 3 Bulan | RM920 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM100,000*3.74% setahun /366 hari* 90 hari
 ** Pengiraan Kadar Efektif Kempen: RM920/RM100,000/366 hari*/90 hari

ii. Tempoh Pegangan Enam (6) Bulan

Smart Account/-i:

| Perletakan Smart Account/-i | Kadar** | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|-----------------------------|---------|---------|-------------------------|
| RM40,000 | 1.85% | 6 Bulan | RM368 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM40,000*1.85% setahun/366 hari* 182 hari
 ***Dengan mengandaikan Peserta yang Layak telah memenuhi kategori kadar Bonus Save

DT/CMD-i:

| Perletakan DT/CMD-i | Kadar | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|---------------------|-------|---------|-------------------------|
| RM60,000 | 5.20% | 6 Bulan | RM1,551 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM60,000*5.20% setahun /366 hari* 182 hari

Jumlah Faedah/Keuntungan DT/CMD-i dan Smart Account/-i

| Jumlah Perletakan | Kadar Efektif Kempen** | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|-------------------|------------------------|---------|-------------------------|
| RM100,000 | 3.86% | 6 Bulan | RM1,919 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM100,000*3.86% setahun /366 hari* 182 hari
 ** Pengiraan Kadar Efektif Kempen: RM1,919/RM100,000*366 hari/182 hari

Ilustrasi 2

Pengiraan Premier Current/-i:

- b) Peserta yang Layak meletakkan Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu (RM60,000) dalam DT/CMD-i dan Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu (RM40,000) akan diperuntukkan kepada Premier Current/-i selama tiga (3 bulan atau enam (6) bulan. Oleh itu, pengiraan kadar efektif keseluruhan ialah:

i. Tempoh Pegangan Tiga (3) Bulan

Premier Current/-i:

| Perletakan Premier Current/-i | Kadar Efektif Premier Current/-i * | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)** |
|-------------------------------|------------------------------------|---------|--------------------------|
| RM40,000 | - | 3 Bulan | - |

* Kadar efektif untuk Premier PCA adalah bergantung pada julat baki semasa.

**Pengiraan ini dibuat dengan mengandaikan pelanggan baharu kepada segmen Premier dengan mempunyai julat baki sedia ada RM40,000.

DT/CMD-i:

| Perletakan DT/CMD-i | Kadar | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|---------------------|-------|---------|-------------------------|
| RM60,000 | 5.00% | 3 Bulan | RM738 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM60,000*5.00% setahun /366 hari*90 hari

Jumlah Faedah/Keuntungan DT/CMD-i dan Premier Current Account/-i

| Perletakan | Kadar Efektif Kempen** | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|------------------|------------------------|---------|-------------------------|
| RM100,000 | 3.00% | 3 Bulan | RM738 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: $RM100,000 * 3.00\% \text{ setahun} / 366 \text{ hari} * 90 \text{ hari}$
** Pengiraan Kadar Efektif Kempen: $RM738 / RM100,000 * 366 \text{ hari} / 90 \text{ hari}$

ii. Tempoh Pegangan Enam (6) Bulan

Premier Current/-i:

| Perletakan Premier Current/-i | Kadar Efektif Premier Current/-i * | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)** |
|-------------------------------|------------------------------------|---------|--------------------------|
| RM100,000 | 2.50% | 6 Bulan | RM1,250 |

* Kadar efektif untuk Premier PCA adalah bergantung pada julat baki semasa. Pengiraan ini dibuat dengan mengandaikan pelanggan mempunyai julat baki sedia ada melebihi RM1Juta.
**Pengiraan Faedah/Keuntungan: $RM100,000 * 2.50\% \text{ setahun} / 366 \text{ hari} * 182 \text{ hari}$

DT/CMD-i:

| Perletakan DT/CMD-i | Kadar | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|---------------------|-------|---------|-------------------------|
| RM150,000 | 5.20% | 6 Bulan | RM3,879 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: $RM150,000 * 5.20\% \text{ setahun} / 366 \text{ hari} * 182 \text{ hari}$

Jumlah Faedah/Keuntungan DT/CMD-i dan Premier Current Account/-i

| Perletakan | Kadar Efektif Kempen** | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|------------------|------------------------|---------|-------------------------|
| RM250,000 | 4.12% | 6 Bulan | RM5,122 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: $RM250,000 * 4.12\% \text{ setahun} / 366 \text{ hari} * 182 \text{ hari}$
** Pengiraan Kadar Efektif Kempen: $RM5,122 / RM250,000 * 366 \text{ hari} / 182 \text{ hari}$

Ilustrasi 3

Pengiraan Premier Current/-i:

- c) Peserta yang Layak meletakkan Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) dalam DT/CMD-i dan Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000) akan diperuntukkan kepada Premier Current/-i selama tiga (3 bulan atau enam (6) bulan. Oleh itu, pengiraan kadar efektif keseluruhan ialah:

iii. Tempoh Pegangan Tiga (3) Bulan

Premier Current/-i:

| Perletakan Premier Current/-i | Kadar Efektif Premier Current/-i * | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|-------------------------------|------------------------------------|---------|-------------------------|
| RM100,000 | 2.50% | 3 Bulan | RM615 |

* Kadar efektif untuk Premier PCA adalah berbeza bergantung pada julat baki semasa. Pengiraan ini dibuat dengan mengandaikan pelanggan mempunyai julat baki sedia ada melebihi RM1Juta.

**Pengiraan Faedah/Keuntungan: $RM100,000 * 2.50\% \text{ setahun} / 366 \text{ hari} * 90 \text{ hari}$

DT/CMD-i:

| Perletakan DT/CMD-i | Kadar | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|---------------------|-------|---------|-------------------------|
| RM150,000 | 5.00% | 3 Bulan | RM1,844 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: $RM150,000 * 5.00\% \text{ setahun} / 366 \text{ hari} * 90 \text{ hari}$

Jumlah Faedah/Keuntungan DT/CMD-i dan Premier Current Account/-i

| Jumlah Perletakan | Kadar Efektif Kempen** | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|-------------------|------------------------|---------|-------------------------|
| RM250,000 | 4.00% | 3 Bulan | RM2,459 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM250,000*4.00% setahun /366 hari*90 hari
 ** Pengiraan Kadar Efektif Kempen: RM2,459/RM250,000*366 hari/90 hari

iv. Tempoh Pegangan Enam (6) Bulan

Premier Current/-i:

| Perletakan Premier Current/-i | Kadar Efektif Premier Current/-i * | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)** |
|-------------------------------|------------------------------------|---------|--------------------------|
| RM100,000 | 2.50% | 6 Bulan | RM1,250 |

* Kadar efektif untuk Premier PCA adalah bergantung pada julat baki semasa. Pengiraan ini dibuat dengan mengandaikan pelanggan mempunyai julat baki sedia ada melebihi RM1Juta.
 **Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM100,000*2.50% setahun /366 hari*182 hari

DT/CMD-i:

| Perletakan DT/CMD-i | Kadar | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|---------------------|-------|---------|-------------------------|
| RM150,000 | 5.20% | 6 Bulan | RM3,879 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM150,000*5.20% setahun /366 hari*182 hari

Jumlah Faedah/Keuntungan DT/CMD-i dan Premier Current Account/-i

| Jumlah Perletakan | Kadar Efektif Kempen** | Tempoh | Faedah/Keuntungan (RM)* |
|-------------------|------------------------|---------|-------------------------|
| RM250,000 | 4.12% | 6 Bulan | RM5,122 |

* Pengiraan Faedah/Keuntungan: RM250,000*4.12% setahun /366 hari*182 hari
 ** Pengiraan Kadar Efektif Kempen: RM5,122/RM250,000*366 hari/182 hari

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

23. Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:-

(a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;

(b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-

(1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau

(2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, Bank tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.

(ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-

(1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;

(2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui

- Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service ("SMS")*) atau
Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message ("EDM")*)
kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
- (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
- (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
- (c) mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
- (d) bersetuju untuk melayari laman web RHB untuk membaca Terma dan Syarat ini dan sentiasa sedia maklum dengan sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini;
- (e) bersetuju untuk tidak meneruskan sebarang penyertaan lanjut dalam Kempen ini dengan memaklumkan RHB jika ada sebarang pengubahsuaian di masa hadapan Terma dan Syarat ini yang tidak boleh diterima.
- (f) bersetuju bahawa dengan menyediakan maklumat peribadi, Peserta Yang Layak mengizinkan RHB memproses maklumat peribadi mereka untuk apa-apa dan / atau semua tujuan yang berikut ("**Tujuan**"), jika berkenaan:
- (a) mentadbir Kempen ini dan menghubungi Peserta Yang Layak berkaitan dengan perkara yang sama;
 - (b) penjualan silang, pemasaran dan promosi produk dan / atau perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB dan rakan-rakan kongsi strategiknya; atau
 - (c) lain-lain tujuan perniagaan yang berkaitan dan sah;
- (g) bersetuju bahawa maklumat peribadi Peserta Yang Layak mungkin didedahkan kepada syarikat lain dalam Kumpulan Perbankan RHB (yang termasuk syarikat induknya, anak-anak syarikat, dan mana-mana syarikat bersekutu, termasuk mana-mana syarikat akibat daripada penyusunan semula, penggabungan, jualan atau pengambilalihan), penyedia perkhidmatan, dan vendor dan mana-mana ejen, pekerja dan / atau orang-orang tersebut, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkenaan, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan / atau kewajipan) yang terpakai kepada RHB.
- (h) boleh menjalankan pilihan mereka berkenaan dengan menerima bahan-bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi seperti yang dinyatakan di atas) dengan menghubungi kami melalui Butiran RHB.
- (i) beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB

E-mel : customer.service@rhbgroup.com

Telefon No. : +603-9206 8118

Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (j) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta Yang Layak;
- (k) beliau boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;
- (l) jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-

- (i) produk(-produk) perbankan, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Skim Ombudsman Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Ombudsman bagi Perkhidmatan Kewangan (OFS)

| | |
|-----------------------|--|
| Alamat: | Level 14, Menara Takaful Malaysia No 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur |
| No. Telefon: | +603-2272 2811 |
| No. Faksimili: | +603-2272 1577 |
| E-mel: | enquiry@ofs.org.my ; atau |

- (ii) produk(-produk) unit amanah, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia:-

| | |
|-----------------------|--|
| Alamat: | Unit A-9-1, Level 9, Tower A Menara UOA Bangsar No. 5, Jalan Bangsar Utama 1 59000 Kuala Lumpur |
| No. Telefon: | +603-2282 2280 |
| No. Faksimili: | +603-2282 3855 |
| E-mel: | info@sidrec.com.my ; |

- (m) Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat sedia ada yang lain seperti berikut:
 - a) Perbankan Peribadi:
<https://www.rhbgroup.com/others/terms-conditions/index.html>
 - b) *RHB Casa Luxury Watch*:
https://www.rhbgroup.com/casaluxurywatch/index.html?utm_source=Campaign&utm_medium=INPWS&utm_campaign=24DPCASALuxuryWatch
- (n) RHB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh bencana alam, perperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, tindakan perindustrian, atau tindakan pengganas yang tidak berpunca dari perbuatan, tindakan, keingkaran, kecuaian dan/atau salah laku RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil atau ejen RHB.
- (o) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunakan bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.